

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ,**
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKYA.**



Bendera Peribadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

# Kandungan


Perutusan Pengerusi MAIS 4
Ahli Masyurat MAIS 6
Latarbelakang 8
Logo & Rasional Logo 11
Pengurusan Strategik 13
Kumpulan Pengurusan MAIS 15
Bahagian Pengurusan 18
Bahagian Baitulmal 21
Bahagian Audit Dalam 31
Bahagian Undang-Undang 37
Bahagian Mal 39
Bahagian Pembangunan Insan 43
Bahagian Pembangunan Korporat 49
Bahagian Pembangunan Hartanah 51
Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman 59
Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan 63
Bahagian Perhubungan Awam 67
Lampiran
- Sijil Bersih Akaun 2004 dengan laporan lengkap 71
- Keratan akbar & bahan penerbitan MAIS 93
- Ringkasan Eksekutif Kemajuan MAIS 2005 97
- Kaunter-kaunter Saham Wakaf Selangor MAIS 105
- Aktiviti 2005 107





Rekabentuk muka hadapan Laporan Tahunan MAIS 2005 memberi satu perspektif mengenai usaha MAIS memanfaatkan peluang dalam Pembangunan Modal Insan yang seimbang dan harmonis. Sehubungan dengan itu MAIS mempamerkan kesungguhan berterusan dan kreativiti dalam menghadapi pelbagai aspek cabaran terutama bagi meningkatkan taraf hidup umat Islam di Negeri Selangor ini amnya. Tanggungjawab MAIS adalah bagi membina kesejahteraan serta sumbangan ke arah keharmonian umat Islam dalam membentuk sahsiah diri dan keluarga.



# PERUTUSAN PENGERUSI MAIS



**YAD DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA**

PENGERUSI

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan MAIS bagi tahun 2005 yang julung-julung kali diterbitkan dan merupakan edisi sulung bagi keluaran tahun berikutnya.

Saya berkeyakinan melalui penerbitan Laporan Tahunan ini, maka segala maklumat berkaitan MAIS dan perkhidmatannya akan dapat disampaikan dengan lebih cepat dan telus. Saya juga yakin bahawa Laporan Tahunan ini akan memberi manfaat dan menjadi rujukan buat semua agensi kerajaan, badan berkanun, swasta dan masyarakat Islam yang berminat untuk mengetahui perkembangan dan pencapaian tahunan MAIS.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada Ahli-Ahli Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor bagi sesi 2003-2005 di atas perkhidmatan dan sumbangan yang diberikan ini. Semoga segala buah fikiran dan tenaga yang dicurahkan selama perkhidmatan ini, mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT.

Akhir kata, saya mengharapkan agar seluruh warga kerja MAIS dapat memberikan komitmen yang terbaik dan bekerja dalam satu kumpulan yang proaktif bagi memastikan MAIS menjadi salah satu institusi yang bergerak maju dan berdaya saing selaras dengan Negeri Selangor sebagai Negeri Maju yang pertama di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

# AHLI MESYUARAT MAIS SESI 2003 – 2005



**Y.A.D. DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA**
(Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor)

**Pengerusi**

**Y.B. DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN SAKOM**
(Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor)

**Timbalan Pengerusi**





**Y.B. DATO' HAJI RAMLAN BIN OTHMAN**
(Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor)

**Ahli**

**Y.A.M. TENGKU AZMAN SHAH AL HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN HISHAMUDDIN ALAM SHAH AL HAJ, D.K II. , SJMK. , SPMS.**
(Tengku Bendahara Selangor)

**Ahli**





**Y.B. DATIN PADUKA HAJAH BADARIAH BINTI HASSAN**
(Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor)

**Ahli**

**Y.B. DATO' HAJI MANSUR BIN RAMLI**
(Pegawai Kewangan Negeri Selangor)

**Ahli**





**SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN HAJI ABD WAHID**
(Mufti Negeri Selangor)

**Ahli**

**Y.BHG. DATO' YAHYA BIN UDIN**
(Ketua Polis Selangor)

**Ahli**



# AHLI MESYUARAT MAIS SESI 2003 – 2005



**Y.BHG. DATO' IR ABD RASYID BIN YUSOF**
(Pengarah Kerja Raya Selangor)

**Ahli**



**Y.A.D. DATO' SERI INDAH DIRAJA DATO' HAJI ABU BAKAR BIN HAJI ABDUL HAMID**
(Orang Besar Daerah Petaling)

**Ahli**



**Y.BHG. DATUK HAJI SARIP BIN HAMID**
(Pengerusi AIC Corporation)

**Ahli**



**Y. BHG. PROF. DR. MUHAMMAD KAMAL BIN HASSAN**
(Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)

**Ahli**



**Y.BHG. DATO' DR. ABDUL MONIR BIN YAACOB**
(Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia)

**Ahli**



**Y.BHG. PROF. MADYA DR. ZALEHA BINTI KAMARUDDIN**
(Dekan Pusat Pembangunan Siswazah UIAM)

**Ahli**



**Y.BHG. DATO' HAJI IBRAHIM BIN KASSIM**
(Timbalan YDP PIMPINAN)

**Ahli**



**Y.BHG. DATO' AIDIT BIN GHAZALI**
(Akademi Aidit)

**Ahli**



**Y.BHG. DATO' HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJi. SALLEH**
(Ketua Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara)

**Ahli**



**SAHIBUS SAADAH TUAN HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI**
(Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor)

**Setiausaha**

# LATARBELAKANG MAIS

## JENDELA SEJARAH

Pada awal penubuhannya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dikenali sebagai satu badan yang tetap dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor. Ia ditubuhkan di bawah seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 dan subseksyen 4 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

MAIS adalah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dan pihak berkuasa utama (The Chief Authority) di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan yang membantu dan menasihati DYMM Sultan dalam semua perkara yang berhubung dengan agama Islam kecuali Hukum Syarak dan pentadbiran keadilan sebagaimana seksyen 5 (1) dan seksyen 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan:

"Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun".

Seksyen 5 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor 2003)

"Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, Kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini".

Seksyen 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor 2003)

# PENGURUSAN DAN OPERASI

Penstrukturan semula organisasi MAIS berkuatkuasa bermula 1 Mac 2005 melalui surat yang dikeluarkan oleh Pengerusi MAIS pada 9 Mac 2005.

Sebelum itu, MAIS lebih dikenali umum sebagai satu platform Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor. Masyarakat lebih mengenali Baitulmal, walaubagaimanapun sejak dasar dan ketetapan MAIS dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Baitulmal.

Bermula 1 Mac 2005, Baitulmal yang merupakan salah satu Bahagian dalam JAIS telah dipindahkan secara rasminya ke Majlis Agama Islam Selangor.

Pada 21-22 Mac 2005, Pemerkasaan MAIS telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi peranan ahli-ahli MAIS, imej dan integriti MAIS, profesionalisme kerja MAIS dan Badan-badan Pentadbiran Islam. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga telah berkenan melancarkan logo baru MAIS yang bertemakan "Mengharapkan Keredhaan Allah" dalam memajukan bersama Negeri Selangor.

Dengan ini bermulalah MAIS berwajah baru dari segi pengurusan dan organisasinya walaupun MAIS telah berusia lebih 50 tahun.

MAIS telah membentuk satu Pengurusan strategik baru, penyusunan sumber manusia yang mantap dan terlatih, perancangan pembangunan hartanah yang berdaya maju dan pengurusan kewangan yang cekap.

Bagi tujuan perancangan dan kawalan, MAIS telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tetap bagi memastikan pengurusan dan organisasi MAIS berjalan lancar dan sempurna.

## Senarai Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap Majlis Agama Islam Selangor sehingga 2005.

A. Jawatankuasa –jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Seksyen 27, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

1. Jawatankuasa Baitulmal
   Pengerusi : Pengerusi MAIS

2. Jawatankuasa Pelaburan
   Pengerusi : Pengerusi MAIS

3. Jawatankuasa Sumber Manusia
   Pengerusi : Pengerusi MAIS

4. Jawatankuasa Audit
   Pengerusi : Pengerusi MAIS

5. Jawatankuasa Dakwah Negeri
   Pengerusi : Pengerusi MAIS

6. Jawatankuasa Undang-Undang
   Pengerusi : Penasihat Undang-Undang

7. Jawatankuasa Pengesahan Halal
   Pengerusi : Setiausaha MAIS

B. Jawatankuasa yang ditubuhkan dibawah Seksyen 31, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

8. Jawatankuasa Tatatertib

C. Jawatankuasa yang ditubuhkan dibawah seksyen 46, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

9. Jawatankuasa Fatwa

D. Jawatankuasa yang ditubuhkan dibawah seksyen 77, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

10.Jawatankuasa kaedah Mahkamah Syariah

E. Jawatankuasa yang ditubuhkan dibawah seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

11. Jawatankuasa Tauliah

F. Jawatankuasa yang ditubuhkan dibawah seksyen 21 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999

12. Jawatankuasa Pengurusan Wakaf

G. Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah kaedah 3, Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid Dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995

13. Jawatankuasa MAIS Tentang Kariah Masjid

# LOGO & RASIONAL LOGO

Logo ini dihasilkan melalui elemen Islamik, imej bulan sabit, bintang dan Logo Negeri Selangor Darul Ehsan.

Logo Negeri Selangor Darul Ehsan diletakkan di tengah-tengah logo bagi mencerminkan MAIS adalah di bawah pentadbiran Negeri Selangor Darul Ehsan. Elemen Islamik ini melambangkan peranan MAIS sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab untuk meningkatkan dan memajukan taraf sosio ekonomi umat Islam.

**(BULAN SABIT)**
DITADBIR DIBAWAH DYMM SULTAN SELANGOR
SEBAGAI KETUA AGAMA ISLAM

Bulan sabit berwarna kuning menggambarkan MAIS ditadbir dibawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang berdaulat sesuai dengan peranan baginda sebagai Ketua Agama Islam bagi Negeri Selangor Darul Ehsan. Warna putih yang terletak di tengah logo adalah melambangkan kesucian dan kebersihan yang meliputi semua aspek fizikal, mental dan spiritual.

# RASIONAL LOGO

**(PATEN ISLAMIK BUCU DAN BIRU)**

KEHARMONIAN DAN UKHWAH WARGA MAIS

Paten Islamik yang berbucu lapan (warna biru) adalah elemen grafik geomatrik Islam yang menggambarkan kecemerlangan tamadun Islam dan kesediaan menghadapi cabaran global. Ia juga menggambarkan keharmonian dan ikatan dakwah antara warga MAIS di dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

**(PATEN BUCU DAN HIJAU)**

KEDAMAIAN DAN MESRA PELANGGAN

Paten Islamik yang berbucu lapan (warna hijau) menggambarkan erti kedamaian dan konsep Mesra Pelanggan yang menjadi pegangan MAIS di dalam merealisasikan visi dan misi yang telah ditetapkan oleh pengurusan.

# PENGURUSAN STRATEGIK MAIS

## VISI

Membangunkan Ummah Ke Arah Mendapatkan Keredhaan Allah

## MISI

Pembangunan Ummah Melalui Pembentukan Masyarakat Berilmu, Beramal, Beriman dan Berakhlak, Ekonomi Yang Perkasa, Usaha-Usaha Dakwah Yang Berkesan, Pengurusan Harta Yang Cekap Dan Institusi Agama Yang Proaktif.

## OBJEKTIF

Berusaha meningkatkan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial umat Islam Negeri Selangor melalui kaedah penyelidikan, pengurusan dan pembangunan yang sistematik dan lengkap berlandaskan hukum syarak dengan menggunakan sumber MAIS secara optimum.

## STRATEGI

1. Pembentukan masyarakat berilmu, beramal, beriman dan berakhlak.
2. Memajukan ekonomi yang perkasa.
3. Melaksanakan usaha-usaha dakwah yang berkesan.
4. Memastikan pengurusan harta yang cekap.
5. Mewujudkan pengurusan institusi agama yang proaktif.

## MOTTO

"Mengharap Keredhaan Allah"

## ETIKA KERJA

"Amanah, Prihatin Dan Mesra"

## BUDAYA KERJA

"Ilmu Yang Tinggi, Komunikasi Yang Berkesan"

# STRUKTUR KORPORAT



# KUMPULAN PENGURUSAN MAIS

Majlis Agama Islam Selangor

# KUMPULAN PENGURUSAN MAIS



**Setiausaha**
Sahibus Saadah Tuan Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi



**Timbalan Setiausaha**
Abdul Halem Hapiz bin Salihin



**Penolong Setiausaha**
Pengurusan
**Norlaila Bte Abd. Rashid**



**Penolong Setiausaha**
Baitulmal
**Mohd Farid Bin Baharon**



**Penolong Setiausaha**
Pembangunan Hartanah
**Rohaidah Bte Abu Zahid**



**Penolong Setiausaha**
Mal
**Suhaimi Bin Ismail**



**Penolong Setiausaha**
Pembangunan Insan
**Anuar Hamzah Bin Tohar**



**Pegawai Hal Ehwal Ekonomi**
Pembangunan Korporat
**Hamidon Bin Mohamed Yussop**



**Pegawai**
Perhubungan Awam
**Rohana Bte Hassan**



**Penasihat**
Undang-Undang
**Nurhani Salwa Bte Jamaluddin**



**Ketua**
Audit Dalam
**Norraini Bte Nordin**



**Penguasa**
Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan
**Mohd Khairie Bin Solehan**



**Penguasa**
Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman
**Noraishah Bte Ismail**

# BAHAGIAN PENGURUSAN

Majlis Agama Islam Selangor

# BAHAGIAN PENGURUSAN

## PENGENALAN

Bahagian Pengurusan telah diwujudkan pada 3 Mac 2005 iaitu selepas program penstrukturan semula Majlis Agama Islam Selangor. Sehingga kini, Bahagian Pengurusan mempunyai seramai 30 orang pegawai bagi melaksanakan tugas-tugas perkhidmatan pegawai, latihan, pentadbiran, kualiti, sistem maklumat dan pusat sumber.

### Fungsi

- Mengurus pentadbiran pejabat, kualiti dan mesyuarat MAIS dan hal ehwal jawatan kuasa tetap
- Mengurus perkhidmtan dan latihan kakitangan
- Mungurus sistem maklumat
- Mengurus pusat sumber

### Unit Pentadbiran

a) Bengkel Agenda Pemerkasaan MAIS 2005 Telah diadakan pada 21-22 Mac 2005 di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam.

b) Mengurus 10 orang bakal-bakal haji tajaan MAIS bagi tahun 1426 H yang terdiri daripada 9 orang imam/nazir/bilal masjid dan 1 orang guru agama.

c) Majlis menghadap DYMM Sultan oleh bakal-bakal haji Telah diadakan pada 18 November 2005 di Balai Tengah, Istana Alam Shah Klang.

d) Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2004 Telah diadakan pada 14 Disember 2005 dengan Penerima anugerah adalah seramai 25 orang yang terdiri daripada kakitangan kontrak MAIS.

e) Bengkel Sasaran Kerja Tahunan Diadakan pada 12 dan 13 Januari 2006.

f) Motivasi Perkhidmatan MAIS
- Ceramah Motivasi telah diadakan sebanyak 2 kali dalam bulan Ogos dan September 2005.

g) Penggunaan Kad Mesra Mula digunakan pada 1 Disember 2005.

h) Majlis Serah Tugas Setiausaha Baru dan Lama
- Telah diadakan pada 12 Julai 2005.

i) Lawatan MAIN (Pulau Pinang) ke MAIS
- Lawatan telah diadakan pada 2 Mac 2005.

## URUSETIA MESYUARAT & JAWATAN KUASA TETAP

a) Mesyuarat MAIS
- Mesyuarat telah diadakan dengan lancar sebanyak 4 kali sepanjang tahun.

  i) Bil.1/2005 pada 14/4/05 di Bilik Mesyuarat Utama 2, Tingkat 6, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah

ii) Bil.2/2005 pada 7/07/05 di Bilik Mesyuarat Tingkat 10, MAIS, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah

iii) Bil.3/2005 pada 27/09/05 di Bilik Kayangan 5, Quality Hotel, Plaza Perangsang, Shah Alam

iv) Bil.4/2005 pada 21/12/05 di Bilik Maunalani, Glenmarie Kuala Lumpur, Seksyen U1, Shah Alam

## LATIHAN

a) Program Orientasi Kakitangan Baru MAIS
- Telah menganjurkan Program Orientasi Kakitangan Baru MAIS pada 20 & 21 September 2005.
- Seramai 37 orang pegawai baru telah menghadiri program tersebut.

b) Kursus Haji Bersiri Untuk Penerima Biaya MAIS bagi tahun 1426H siri 1/2005
- Telah diadakan seperti pada 12hb – 15hb September 2005.
- Bertempat di Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS).

c) Taklimat Sistem Penilaian Prestasi Perkhidmatan
- Telah diadakan pada 29 Disember 2005 bertempat di Bilik Kuliah, Bahagian Perundangan Keluarga, Tingkat Bawah, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah. Bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan cara pengisian borang LNPT dan kaedah penilaian.

## UNIT PERKHIDMATAN

a) Pengiklanan kekosongan jawatan
- Telah membuat iklan akhbar sebanyak 2 kali, secara dalaman dan 1 kali melalui laman web.

b) Temuduga
- Temuduga telah dijalankan sebanyak 3 kali.

c) Lapor diri dan memulakan tugas kakitangan baru
- Seramai 147 pegawai telah melapor diri dan memulakan tugas sepanjang tahun 2005.

## UNIT SISTEM MAKLUMAT

a) Laman Web Rasmi MAIS
- Telah dibangunkan sepenuhnya.









# BAHAGIAN BAITULMAL

Majlis Agama Islam Selangor

# BAHAGIAN BAITULMAL

## PENGENALAN

Sebelum 1 Mac 2005, Bahagian ini adalah dibawah pentadbiran JAIS. Kini, bahagian ini yang diletakkan dibawah kawal selia MAIS mempunyai kekuatan kakitangan seramai 20 orang. Ia terdiri daripada 3 orang akauntan, 6 penolong akauntan dan bakinya adalah kakitangan sokongan.

## FUNGSI

- Bertanggungjawab menguruskan dan mengawal operasi kewangan MAIS seperti urusan perbelanjaan pengurusan, modal, bayaran gaji kakitangan dan terimaan adalah selaras dengan peraturan, prosedur, arahan perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling kewangan yang berkaitan.

- Bertanggungjawab menyelia sumber MAIS iaitu Zakat, Baitulmal, Wakaf, Amanah, Dana Masjid dan lain-lain sumber MAIS.

- Bertanggungjawab bagi penyediaan Penyata Kewangan MAIS dan membantu proses penyediaan Penyata Kewangan Disatukan dengan anak-anak syarikat serta memastikan setiap transaksi Penyata Kewangan adalah selaras dengan piawaian dan standard perakaunan.

- Bertanggungjawab untuk membuat semakan peraturan dan prosedur bagi semua percukaian yang berkaitan dengan terimaan dan perbelanjaan MAIS selaras dengan Akta Cukai 1967.

- Bertanggungjawab untuk menguruskan proses penyediaan Belanjawan Tahunan MAIS.

- Bertanggungjawab untuk menjadi Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Baitulmal/Zakat.

- Bertanggungjawab untuk membuat kajian dan analisa untuk jangka pendek & jangka panjang pulangan pelaburan kepada MAIS.

- Bertanggungjawab menyediakan Penyata Kewangan Disatukan dengan Anak-Anak Syarikat/Usahasama.

- Bertanggungjawab untuk memantau dan mengawal selia sumber Baitulmal, Zakat & Wakaf dan lain-lain sumber MAIS.

- Bertanggungjawab menyediakan kertas cadangan yang berkaitan dengan kewangan dan pelaburan.

- Bertanggungjawab mengawal selia Laporan Penyata Kewangan dan aktiviti-aktiviti Anak-anak Syarikat:

  a) Bakti Suci Properties Sdn. Bhd.

  b) Bakti Suci Trading Sdn. Bhd.

  c) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

  d) MAIS Zakat Sdn. Bhd.

# BAHAGIAN BAITULMAL

## RINGKASAN BELUM BERAUDIT LAPORAN KEWANGAN DAN DATA-DATA UNTUK TEMPOH DUA BELAS BULAN BERAKHIR PADA 31HB. DISEMBER 2005

### 1. PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN DISATUKAN ZAKAT, BAITULMAL & WAKAF

| | Nota | Laporan Belum Beraudit Tahun Kewangan Berakhir Pada 31hb. Disember | | | Beraudit Pada 31hb. Disember |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2005 | 2004 | % | 2003 |
| | | RM | RM | Beza | RM |
| **Pendapatan** | 1(a) | | | | |
| Zakat | | 113,499,616 | 105,253,710 | 7.83 | 107,253,710 |
| Baitulmal | | 6,978,054 | 6,645,449 | 5.01 | 7,445,449 |
| Wakaf | | 2,408,029 | 4,733,224 | (49.12) | 4,733,224 |
| | | **122,885,699** | **116,632,383** | | **119,432,383** |
| **Perbelanjaan** | 1(b) | | | | |
| Zakat | | 104,037,981 | 102,101,102 | 1.90 | 103,101,102 |
| Baitulmal | | 6,355,548 | 6,537,583 | (2.78) | 6,637,583 |
| Wakaf | | 36,249 | 48,061 | (24.58) | 48,061 |
| | | **110,429,778** | **108,686,746** | | **109,786,746** |
| **Lebihan/(Kurangan) Pendapatan** | 2 | | | | |
| Zakat | | 9,461,635 | 3,152,608 | 200.12 | 4,152,608 |
| Baitulmal | | 622,506 | 107,866 | 477.11 | 807,866 |
| Wakaf | | 2,371,780 | 4,685,163 | (49.38) | 4,685,163 |
| | | **12,455,921** | **7,945,637** | | **9,645,637** |
| Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai | | 12,455,921 | 9,645,637 | 29.14 | 9,645,637 |
| Perbelanjaan Wang Baitulmal, Majlis : | | | | | |
| Bantuan Anak Yatim | | 687,900 | 697,900 | (1.43) | 697,900 |
| Caj Perkhidmatan Bank | | 783,420 | 362,500 | 116.12 | 362,500 |
| Gaji, Elaun dan Bonus | | 1,666,556 | 1,597,089 | 4.35 | 1,597,089 |
| Susutnilai | | 1,024,532 | 1,018,600 | 0.58 | 1,018,600 |
| Yuran Audit | | 23,000 | 23,000 | - | 23,000 |
| Cukai Tanah Dan Insuran | | 864,523 | 661,915 | 30.61 | 661,915 |

### 2. IMBANGAN DUGA DISATUKAN

| | Nota | Laporan Belum Beraudit Tahun Kewangan Berakhir Pada 31hb. Disember | | | Beraudit Pada 31hb. Disember |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2005 | 2004 | % | 2003 |
| | | RM | RM | Beza | RM |
| "Bangunan, Tanah, Kenderaan, Komputer, Kelengkapan Dan Pengubahsuaian" | 3 | 48,581,477 | 44,117,506 | 10.1 | 45,317,506 |
| Pelaburan Dalam Anak Syarikat | 4 | 5,746,015 | 5,746,015 | 0.0 | 5,746,015 |
| Pelaburan Dalam Saham | | 8,287,064 | 9,659,270 | (14.2) | 9,659,270 |
| Kerja Dalam Perlaksanaan | 5 | 21,394,385 | 18,322,902 | 16.8 | 18,322,902 |
| Tunai Di Bank Dan Ditangan | 6 | 39,502,592 | 50,249,050 | (21.4) | 51,249,050 |
| Simpanan Tetap | 6 | 15,000,000 | 17,258,938 | (13.1) | 17,258,938 |
| Lain-Lain Aset Semasa | | 38,455,214 | 49,241,919 | (21.9) | 49,441,919 |
| **Jumlah Aset** | | **176,966,747** | **194,595,600** | | **196,995,600** |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Kumpulan Wang Terkumpul | | 154,226,554 | 181,494,080 | (15.0) | 182,594,080 |
| Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil (BBA) | 7 | 9,602,508 | 10,000,000 | (4.0) | 10,000,000 |
| Dana Masjid | | 1,396,069 | 2,105,226 | (33.7) | 2,105,226 |
| Lain-Lain Tanggungan Semasa | | 11,741,616 | 996,294 | 1,078.5 | 2,296,294 |
| **Jumlah Wang Terkumpul & Tanggungan** | | **176,966,747** | **194,595,600** | | **196,995,600** |

## 3. ALIRAN TUNAI

| | Nota | Laporan Belum Beraudit Tahun Kewangan Berakhir Pada 31hb. Disember | | | Beraudit Pada 31hb. Disember |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2005** | **2004** | **%** | **2003** |
| | | **RM** | **RM** | **Beza** | **RM** |
| "Tunai Bersih(Digunakan)/Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi" | | (3,259,644) | 20,455,011 | (115.9) | 21,955,011 |
| "Penggunaan Tunai Pembelian Hartanah dan Pelaburan Saham" | | (1,636,677) | (14,693,349) | (88.9) | (14,993,349) |
| Net cash used in financing activities | | (9,420,442) | 10,000,023 | (194.2) | 10,000,023 |
| (Pengurangan)/Pertambahan Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai Akhir Tahun | | (14,316,763) | 15,761,685 | (190.8) | 16,961,685 |

## 4. NISBAH KECAIRAN KEWANGAN

| | Nota | Laporan Belum Beraudit Tahun Kewangan Berakhir Pada 31hb. Disember | | Beraudit Pada 31hb. Disember |
|---|---|---|---|---|
| | | **2005** | **2004** | **2003** |
| | | **RM** | **RM** | **RM** |
| "Lebihan/(Kurangan) Operasi Zakat Baitulmal & Wakaf" | | 12,455,921 | 9,645,637 | 9,645,637 |
| "Nisbah Hutang Kepada Jumlah Aset Tetap (%)" | 8(a) | 18.76 | 22.00 | 22.00 |
| Nisbah Hutang Kepada Ekuiti (%) | 8(b) | 5.00 | 5.00 | 5.00 |
| Nisbah Margin Lebihan (%) | 8(c) | 11.00 | 8.00 | 8.00 |
| Nisbah Pulangan Kepada Aset (%) | 8(d) | 25.00 | 21.00 | 21.00 |

## "RINGKASAN PERBELANJAAN SUMBER ZAKAT, BAITULMAL DAN WAKAF BAGI TAHUN 2001 HINGGA 2005"

| | **2005** | **2004** | **2003** | **2002** | **2001** |
|---|---|---|---|---|---|
| | **RM** | **RM** | **RM** | **RM** | **RM** |
| **Perbelanjaan :** | | | | | |
| **Zakat** | | | | | |
| Asnaf Fakir | 2,674,180 | 2,175,081 | 2,537,076 | 1,306,539 | 966,843 |
| Asnaf Miskin | 31,082,240 | 30,996,140 | 26,165,916 | 17,454,516 | 5,354,279 |
| Asnaf Amil | 16,916,679 | 10,586,281 | 10,856,464 | 9,534,011 | 5,348,629 |
| Asnaf Muallaf | 6,344,326 | 5,543,954 | 4,936,597 | 3,328,237 | 2,530,242 |
| Asnaf Fisabilillah | 37,480,160 | 48,969,429 | 35,592,750 | 29,519,101 | 11,339,977 |
| Asnaf Gharim | 6,551,667 | 4,095,302 | 2,748,273 | 1,439,448 | 1,603,732 |
| Asnaf Ibni Sabil | 374,978 | 379,115 | 304,200 | 334,459 | 181,516 |
| Asnaf Riqab | 112,385 | 355,800 | 299,378 | 428,086 | 8,240,147 |
| **Jumlah** | **101,536,615** | **103,101,102** | **83,440,654** | **63,344,397** | **35,565,365** |

## "RINGKASAN PERBELANJAAN SUMBER ZAKAT, BAITULMAL DAN WAKAF BAGI TAHUN 2001 HINGGA 2005"

| | 2005 RM | 2004 RM | 2003 RM | 2002 RM | 2001 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Baitulmal** | | | | | |
| Emolumen | 1,666,556 | 1,597,089 | 1,543,072 | 1,374,279 | 426,554 |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | 433,448 | 484,020 | 656,559 | 913,239 | 385,805 |
| Bekalan Dan Bahan-Bahan | 207,985 | 92,782 | 66,199 | 92,417 | 116,564 |
| "Penyeleggaraan Dan Pembaikan" | 262,737 | 182,411 | 246,199 | 234,225 | 139,066 |
| Perkhidmatan Ikhtisas Dan Honororium | 741,190 | 281,024 | 508,626 | 511,017 | 664,797 |
| Pemberian Dan Bayaran Tetap | 1,506,691 | 1,957,242 | 2,104,073 | 2,051,674 | 958,864 |
| Perbelanjaan Lain | 755,787 | 661,915 | 632,204 | 714,817 | 270,586 |
| Kenaan Dan Caj Perkhidmatan | 783,421 | 362,500 | - | - | - |
| **Jumlah** | **6,357,815** | **5,618,983** | **5,756,932** | **5,891,668** | **2,962,236** |
| **Wakaf** | | | | | |
| Bekalan Bahan | 2,900 | 167 | - | - | - |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan | 4,529 | - | 3,000 | - | - |
| Perkhidmatan Ikhtisas Dan Honororium | 17,677 | 44,752 | 6,602 | - | - |
| Perbelanjaan Lain | 11,143 | 3,140 | 4,646 | 4,031 | - |
| **Jumlah** | 36,249 | 48,059 | 14,248 | 4,031 | - |
| **Jumlah Keseluruhan** | **107,930,679** | **108,768,144** | **89,211,834** | **69,240,096** | **38,527,601** |

**Sumber :** Maklumat-maklumat kewangan dan data-data adalah diperolehi daripada rekod-rekod kewangan Bahagian Baitulmal, MAIS.

## AGIHAN ZAKAT BAGI TAHUN 2001 HINGGA 2005




| 2005 | 2004 | 2003 | 2002 | 2001 |
|---|---|---|---|---|
| RM 101,536,615 | RM 103,101,102 | RM 83,440,654 | RM 63,344,397 | RM35,565,365 |

## PERBELANJAAN SUMBER BAITULMAL BAGI TAHUN 2001 HINGGA 2005




| 2005 | 2004 | 2003 | 2002 | 2001 |
|---|---|---|---|---|
| RM 6,357,815 | RM 5,618,983 | RM 5,756,932 | RM 5,891,668 | RM 2,962,236 |

## PERBELANJAAN SUMBER WAKAF BAGI TAHUN 2002 HINGGA 2005




| 2005 | 2004 | 2003 | 2002 |
|---|---|---|---|
| RM 36,249 | RM 48,059 | RM 14,248 | RM 4,031 |









## "RINGKASAN PERBELANJAAN SUMBER ZAKAT, BAITULMAL DAN WAKAF BAGI TAHUN 2001 HINGGA 2005"

| | 2005<br>RM | 2004<br>RM | 2003<br>RM | 2002<br>RM | 2001<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pendapatan :** | | | | | |
| **Zakat** | | | | | |
| Zakat Fitrah | 9,085,674 | 8,063,887 | 7,173,185 | 6,382,077 | 15,186,925 |
| Zakat Tanaman | 1,215,822 | 1,123,446 | 975,631 | 289,153 | 383,726 |
| Zakat Perniagaan | 20,319,330 | 11,142,223 | 10,001,022 | 8,519,050 | 8,718,462 |
| Zakat Harta | 101,525,082 | 85,398,181 | 67,040,676 | 38,593,276 | 36,045,508 |
| Zakat Emas Dan Perak | 719,054 | 563,404 | 227,039 | 6,668 | 65,845 |
| "Keuntungan Akaun Semasa" | 410,248 | 494,906 | 294,877 | 194,098 | 329,939 |
| "Keuntungan Akaun Al-Mudharabah" | 277,407 | 444,297 | 421,062 | 1,119,309 | 595,292 |
| **Jumlah** | **133,552,617** | **107,230,344** | **86,133,492** | **55,103,631** | **61,325,697** |
| | | | | | |
| **Baitulmal** | | | | | |
| Sewa Dan Pajakan | 4,584,441 | 3,737,257 | 3,952,206 | 2,805,342 | 2,503,574 |
| Dividen Pelaburan | 499,995 | 589,048 | 680,820 | 943,154 | 881,661 |
| Pelbagai Pendapatan | 919,463 | 457,422 | 738,425 | 372,381 | 145,991 |
| Tebus Harta Pusaka | 386,771 | 518,400 | 821,431 | 739,412 | 739,010 |
| Hasil Tanah | 268,585 | 495,299 | 471,455 | 372,381 | 67,369 |
| Terimaan Bukan Hasil | 256,757 | 263,246 | 638,642 | 268,235 | - |
| Pampasan | 90,477 | 101,243 | 9,796 | 6,162 | 10,447 |
| "Keuntungan Dari Jualan Saham/Tanah" | - | 1,260,000 | 995,060 | 2,600,000 | 191,556 |
| **Jumlah** | **7,006,489** | **7,421,915** | **8,307,835** | **8,107,067** | **4,539,608** |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Wakaf** | | | | | |
| SSkim Saham Wakaf | 2,358,819 | 4,580,426 | 4,406,726 | 558,849 | - |
| Pelbagai Pendapatan Wakaf | 2,339 | 66,141 | 104,744 | 18,095 | - |
| Sewaan Premis Wakaf | 45,100 | 44,910 | 33,370 | 44,102 | - |
| "Keuntungan Simpanan Semasa" | 49,701 | 41,747 | 6,251 | 4,424 | - |
| Keuntungan Simpanan Al-Mudharabah | - | - | 2,378 | 708 | - |
| **Jumlah** | **2,455,959** | **4,733,224** | **4,553,469** | **626,178** | - |
| **Jumlah Keseluruhan** | **143,015,065** | **119,385,483** | **98,994,796** | **63,836,876** | **65,865,305** |

## KUTIPAN ZAKAT BAGI TAHUN 2001 - HINGGA 2005 (RM)




| 2001 | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 |
|---|---|---|---|---|
| 61,325,697 | 55,103,631 | 86,133,492 | 107,230,344 | 133,552,617 |




## PENDAPATAN SUMBER BAITULMAL BAGI TAHUN 2001 HINGGA 2005 (RM)




| 2005 | 2004 | 2003 | 2002 | 2001 |
|---|---|---|---|---|
| 7,006,489 | 7,421,915 | 8,307,835 | 8,107,067 | 4,539,608 |




| 2001 | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 |
|---|---|---|---|---|
| 4,539,608 | 8,107,067 | 8,307,835 | 7,421,915 | 7,006,489 |

PENDAPATAN SUMBER WAKAF BAGI TAHUN 2002 HINGGA 2005
(RM)




| 2005 | 2004 | 2003 | 2002 |
|---|---|---|---|
| 2,455,959 | 4,733,224 | 4,553,469 | 626,178 |




| 2002 | 2003 | 2004 | 2005 |
|---|---|---|---|
| 626,178 | 4,553,469 | 4,733,224 | 2,455,959 |

## RINGKASAN KEWANGAN MAJLIS BAGI TEMPOH 2001 HINGGA 2005

| | 2005 RM | 2004 RM | 2003 RM | 2002 RM | 2001 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendapatan : ( RM juta) | | | | | |
| Zakat | 133.55 | 107.23 | 86.13 | 55.10 | 61.32 |
| Baitulmal | 7.00 | 7.42 | 8.30 | 8.10 | 4.54 |
| Wakaf | 2.45 | 4.73 | 4.55 | 0.62 | - |
| **Jumlah Pendapatan (RM juta)** | **143.00** | **119.38** | **98.98** | **63.82** | **65.86** |
| Perbelanjaan : (RM juta) | | | | | |
| Zakat | 101.54 | 103.10 | 83.44 | 63.34 | 35.57 |
| Baitulmal | 6.36 | 5.61 | 5.75 | 5.89 | 2.96 |
| Wakaf | 0.04 | 0.05 | 0.01 | 0.00 | - |
| **Jumlah Perbelanjaan (RM juta)** | **107.94** | **108.76** | **89.20** | **69.23** | **38.53** |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Daripada Perbelanjaan Zakat, Baitulmal dan Wakaf (RM juta) | 35.06 | 10.62 | 9.78 | (5.41) | 27.33 |
| Jumlah Aset Tetap (RM juta) | 48.58 | 44.12 | 38.98 | 34.51 | 28.02 |
| Jumlah Simpanan Tetap Al-Mudharabah (RM juta) | 15.00 | 17.25 | 10.90 | 18.10 | 12.10 |
| Jumlah Pelaburan Dalam Anak Syarikat (RM juta) | 5.74 | 5.04 | 4.77 | 4.77 | 4.77 |
| Jumlah Pinjaman (RM juta) | 9.00 | 10.00 | - | - | - |
| Nisbah Hutang Kepada Jumlah Aset (%) | 18.76 | 22.00 | 18.00 | 16.00 | 12.44 |
| Nisbah Hutang Kepada Ekuiti (%) | 5.00 | 5.00 | - | - | - |
| Nisbah Margin Lebihan (%) | 11.00 | 8.00 | 5.20 | 5.00 | 4.50 |
| Nisbah Pulangan Kepada Aset (%) | 25.00 | 21.00 | 5.50 | 5.00 | 4.80 |

### JUMLAH ASET TETAP




### PELABURAN SIMPANAN AL-MUDHARABAH




**Sumber :** Maklumat-maklumat kewangan dan data-data adalah diperolehi daripada rekod-rekod kewangan Bahagian Baitulmal, MAIS dan Laporan Kutipan dan Agihan, Lembaga Zakat Selangor.

# BAHAGIAN AUDIT DALAM

Majlis Agama Islam Selangor

# BAHAGIAN AUDIT DALAM

## PENGENALAN

Bahagian Audit Dalam, Majlis Agama Islam Selangor ditubuhkan pada tahun 2000 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Baitulmal/Zakat Majlis Agama Islam Selangor bertarikh 12 hb Jun 2000 bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan imej Baitulmal amnya dan MAIS khususnya. Pada awal penubuhan Bahagian Audit Dalam hanya mempunyai 3 orang kakitangan. Kini Kakitangan Audit Terdiri daripada seorang juruaudit (W41), seorang penolong juruaudit kanan (W 32), 3 orang Penolong Juruaudit (W27) dan 3 orang pembantu juruaudit (W17)

1. Untuk memastikan organisasi diurus dengan prinsip akauntibili dan telus dengan mengikut segala peraturan dalaman dan luaran.

2. Untuk memastikan kewujudan dan keberkesanan perlaksanaan sistem kewangan dan kawalan dalaman.

3. Untuk mengesan segala kelemahan dalam aspek pengurusan, pentadbiran, kewangan dan operasi.

## AKTIVITI 2005

1. Perlaksanaan Pemeriksaan mengejut oleh Bahagian Audit Dalam ke atas Bahagian Baitulmal MAIS.

2. Pihak pengurusan telah menempatkan 2 orang pegawai dari Bahagian Audit Dalam di Bahagian Baitulmal dan Pengurusan Harta bagi melaksanakan pemantauan dari Jun 2004 hingga Jun 2005.

3. Menyemak data-data tanah wakaf, faraidh, belian dan kurnia milik MAIS bagi memastikan data-data tanah berkenaan adalah benar dan dikawalselia.

4. Mengaudit Pengurusan Kewangan Masjid-Masjid dan Surau.
   i. Masjid Jamiatul Barkat, Asam Jawa.
   ii. 7 buah masjid yang diambilalih oleh JAIS / MAIS seperti berikut :
      - Masjid Al-Hidayah
      - Masjid Al-Munawarah
      - Masjid Al-Mujahideen
      - Masjid Al-Faizin
      - Masjid Bandar Baru Sungai Buloh
      - Masjid Al-Mukarramah
      - Masjid Darul Ehsan

iii. Masjid At-Taqwa, Banting
iv. Masjid Kg. Nakhoda, Batu Caves
v. Surau As-Siddiq, Bandar Tun Razak

5. Pengauditan Bayaran Elaun Imam, Bilal dan Siak.

6. Menyediakan Garis Panduan Urusan Kewangan Masjid Dan Surau Negeri Selangor bagi menggantikan Peraturan Urusan Kewangan Masjid-Masjid Negeri Selangor yang sedia ada.

7. Pengauditan ke atas Pembayaran Asnaf Mualaf dan program yang melibatkan Asnaf Fakir di Negeri Selangor.











# BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Majlis Agama Islam Selangor

# BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

## PENGENALAN

Ditubuhkan pada tahun 2004 selaras dengan kelulusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Bil 2/2003 untuk mewujudkan satu Unit Perundangan di MAIS.

## FUNGSI

- Memelihara kepentingan MAIS dalam penggubalan undang-undang, peraturan atau kaedah-kaedah yang berkaitan.
- Membantu dalam menyemak perjanjian - perjanjian jualbeli, sewaan, pajakan dan pembangunan hartanah milik MAIS.
- Mengurangkan kebergantungan kepada peguam swasta.
- Memberi khidmat rundingan dan nasihat kepada MAIS dalam aspek perundangan Sivil dan Syariah.
- Membantu menderaf, menyemak dan meneliti terma - terma perjanjian-perjanjian MAIS.
- Membantu mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan pindaan dan penggubalan undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, Enakmen, Akta, Ordinan dan semua bentuk peraturan yang berkaitan dengan operasi MAIS yang ingin dikuatkuasakan oleh MAIS.
- Membuat rumusan dan pandangan perundangan berhubung kes-kes yang timbul.
- Berhubung dengan YB Datin Paduka Penasihat Undang-undang Negeri Selangor di dalam perkara-perkara perundangan yang timbul, sekiranya perlu.
- Mewakili MAIS untuk kes - kes Mahkamah Sivil dan Syariah.
- Mewakili MAIS dalam perbincangan dan rundingan dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan pihak–pihak yang terlibat dalam tindakan undang-undang.
- Membantu perlaksanaan sebarang perjanjian yang dibuat oleh MAIS.

## AKTIVITI 2005

- Membuat perbandingan dengan enakmen-enakmen perbadanan yang lain.
- Membuat kertas kerja untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat MAIS Bil 2/2005 berkenaan dengan kuasa-kuasa pengerusi MAIS.
- Membuat kajian tentang peruntukan berkaitan pendaftaran tanah wakaf di dalam Kanun Tanah Negara.
- Mengemaskini draf tatatertib Surcaj MAIS.
- Mewujudkan Peraturan-peraturan Pegawai Majlis Agama Islam Selangor (Perlantikan, kenaikan pangkat,Penamatan Perkhidmatan).
- Memantau perjalanan kes-kes syariah & sivil di Mahkamah.
- 9 dokumen perjanjian sewaan telah disempurnakan.
- 2 dokumen perjanjian persetujuan wakaf telah disempurnakan.
- 5 dokumen perjanjian jual beli melibatkan harta faraid berjaya disempurnakan.
- 4 dokumen perjanjian usahasama berjaya disemak.
- Membuat semakan ke atas terma-terma perjanjian surat ikatan amanah PZS.
- Sebanyak 13 pendapat perundangan berjaya disediakan untuk bahagian-bahagian dan anak syarikat MAIS.
- Menyertai bengkel menderaf kaedah-kaedah Wasiat Selangor.
- Mewujudkan satu Jawatankuasa Undang-Undang MAIS dan membuat perlantikan Ahli - ahli Jawatankuasa Undang-Undang









# BAHAGIAN MAL

Majlis Agama Islam Selangor

# BAHAGIAN MAL

## PENGENALAN

Bahagian Mal mempunyai 3 unit iaitu Unit Wakaf, Unit Wasiat/Amanah dan Unit Faraid di mana setiap bahagian melaksanakan aktiviti-aktiviti tersendiri bagi membantu MAIS melaksanakan tanggungjawabnya kepada masyarakat terutamanya dari segi sosial. Kakitagan Bahagian ini adlah seramai 41 orang.

## FUNGSI

- Memproses penerimaan harta wakaf, wasiat, lebihan faraid, wang amanah dan harta yang diserah kepada Majlis Agama Islam Selangor.
- Mengenalpasti, mengurus dan mengawal harta-harta wakaf mengikut jenis dan niat pewakaf.
- Merujuk kepada Jabatan Mufti mengenai perkara dan masalah-masalah semasa yang berkaitan dengan pengurusan harta wakaf, wasiat, lebihan faraid, luqotah, wang amanah dan sebagainya.
- Menjalankan siasatan ke atas Kes-kes pusaka dan wakaf bagi tujuan perekodan aset-aset Majlis Agama Islam Selangor.
- Mengawal selia dan memastikan segala wang amanah, harta wasiat, wakaf, luqotah dan sebagainya dikawal dengan baik dan amanah sesuai dengan peranan MAIS sebagai pemegang amanah bagi harta umat Islam.



## JUMLAH TANAH WAKAF DI NEGERI SELANGOR TAHUN 2005

| NO | DAERAH | WAKAF KHAS (ekar) | WAKAF AM (ekar) | JUMLAH (ekar) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | KLANG | 953.54 | 79.00 | 1032.54 |
| 2 | K.LANGAT | 72.00 | 34.70 | 106.7 |
| 3 | SEPANG | 82.28 | 27.59 | 109.87 |
| 4 | H.LANGAT | 146.76 | 112.26 | 259.02 |
| 5 | GOMBAK | 254.50 | 140.25 | 394.75 |
| 6 | PETALING | 20.84 | 25.50 | 46.34 |
| 7 | K.SELANGOR | 158.52 | 54.57 | 213.09 |
| 8 | S.BERNAM | 140.25 | 254.50 | 394.75 |
| 9 | H.SELANGOR | 98.90 | 21.90 | 120.8 |
| | JUMLAH | 1927.59 | 750.27 | 2677.86 |

## DATA KELUASAN HARTANAH LEBIHAN FARAID MILIK MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) MENGIKUT DAERAH TAHUN 2005

| BIL | DAERAH | KELUASAN |
|---|---|---|
| 1 | SABAK BERNAM | 35.6275 EKAR |
| 2 | KUALA SELANGOR | 25.192 EKAR |
| 3 | KLANG | 29.5183 EKAR |
| 4 | PETALING | 3.7592 EKAR |
| 5 | KUALA LANGAT | 28.0003 EKAR |
| 6 | HULU LANGAT | 47.1061 EKAR |
| 7 | GOMBAK | 29.4247 EKAR |
| 8 | SEPANG | 26.7775 EKAR |
| 9 | HULU SELANGOR | 40.3541 EKAR |
| | JUMLAH | 265.7597 EKAR |

## JUMLAH KUTIPAN WANG SKIM SHAM WAKAF SELANGOR SEHINGGA TAHUN 2005




| 2002 | 2003 | 2004 | 2005 |
|---|---|---|---|
| RM 575,803.15 | RM 4,512,669.74 | RM 4,546,360.00 | RM 2,297,923.20 |


MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM BULAN WAKAF NEGERI SELANGOR TAHUN 2005
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)
DIRASMIKAN OLEH
YANG AMAT DIHORMATI
HJ. MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM





# BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN

Majlis Agama Islam Selangor

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN

## PENGENALAN

Bahagian Pembangunan Insan (BPI) dikenali iebelum ini sebagai Unit Ukhuwah JAIS. Walau bagaimanapun, unit ini telah dipindahkan ke MAIS pada 7 Julai 2005 mlalui kelulusan Mesyuarat MAIS Bil 2/2005 dengan membawa nama baru Bahagian Pembangunan Insan. Kini tugas-tugas kakitangan BPI seramai 31 orang adalah cukup mencabar demi memulihkan aqidah saudara kita.

## FUNGSI

1. Menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat yang bukan Islam.
2. Mewujudkan ukhuwah islamiah di kalangan saudara baru.
3. Mengurus dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan saudara baru.
4. Menyediakan dan melaksanakan program dakwah yang berkesan dengan kerjasama NGO Islam untuk meningkatkan kefahaman Islam dikalangan saudara baru. PIMPINAN, PERKIM, MACMA, PRESMA DAN AL-HIDAYAH.
5. Menguruskan proses pengislaman bagi non muslim yang ingin memeluk agama Islam.
6. Menyediakan dan melaksanakan kursus intensif asas agama Islam bagi saudara baru.
7. Menyediakan kemudahan kelas agama bagi saudara baru.
8. Menguruskan segala permohonan bantuan bagi saudara baru.
9. Mengurus dan menyelesaikan segala masalah yang berkaitan dengan saudara baru.
10. Menyediakan dan melaksanakan program dakwah kepada masyarakat bukan Islam dan juga program dakwah bagi kalangan saudara baru.

Undang-Undang yang diguna-pakai ialah :

i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003

ii) Kaedah - kaedah Pendaftaran Muallaf (Negeri Selangor) 2004 Bahagian IX



## CARTA 4 : JUMLAH PERMOHONAN PENGISLAMAN DI NEGERI SELANGOR TAHUN 20005






## TAJAAN SAUDARA BARU KE INSTITUSI PENGAJIAN TAHUN 2005






Antara lawatan dan khursus yang dijalankan oleh BPI

**Aktiviti Yang Telah Dijalankan**

1. **Kursus Intensif Saudara Kita Cemerlang (Asas)**
   Bertempat di Warisan Sembilang Resort, Pantai Remis, Jeram, Kuala Selangor.

2. **Kursus Intensif Saudara Kita Cemerlang**
   Bertempat di El-Ezhar Camp, Pantai Morib, Banting, Kuala Langat.

3. **Kursus Perkaderan Dakwah**
   Bertempat di El-Ezhar Camp, Pantai Morib, Banting, Kuala Langat.

4. **Majlis Ujian Tilawah Al-Quran Saudara Kita Peringkat Negeri Selangor.**
   Bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada bulan Ogos 2005.

5. **Program Ziarah Ukhuwwah.**
   Telah mmengadakan lawatan ke PERKIM Selangor.

6. **Lawatan Perkembangan Minda.**
   Ke Sarawak pada 13 – 15 Ogos 2005. Lawatan tertumpu pada Jabatan Agama Islam Sarawak dan NGO Dakwah di Sarawak.

7. **Sambutan Hari Saudara Kita Peringkat Negeri Selangor.**
   Bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 24 Disember 2005.



Suasana hari keluarga di masjid negeri selangor


HARI KELUARGA SAUDARA KITA
BERSAMA
PENGERUSI DAN AHLI-AHLI
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
PADA
24 DISEMBER 2005 bersamaan 22 ZULKAEDAH 1426H
TEMPAT
MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
MASJID NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
ANJURAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN, MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR







# BAHAGIAN PEMBANGUNAN KORPORAT

Majlis Agama Islam Selangor

# LAPORAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN KORPORAT

## PENGENALAN

Bahagian Pembangunan Korporat ditubuhkan pada 1 Jun 2005 dengan kekuatan kakitangan iaitu seorang Pegawai Hal Ehwal Ekonomi dan seorang Penolong Pegawai Ekonomi.

## FUNGSI

Mengenal pasti, mengkaji dan merancang kesesuaian penggunaan aset-aset wakaf dan lebihan faraid yang tidak dituntut untuk dimajukan bersesuaian dengan hukum syarak.

## AKTIVITI

Pada peringkat permulaan, kakitangan bahagian ini lebih tertumpu kepada melakukan kajian-kajian bagi membantu proses kerja yang akan dijalankan.

Sepanjang tahun ini, Bahagian Pembangunan Korporat banyak menjalankan aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat mengenai:

- Perkhidmatan yang disediakan oleh MAIS
- Produk yang dikeluarkan oleh MAIS
- Pemasaran, pertanian, trend perniagaan semasa dan isu terkini
- Anak syarikat MAIS
- Aset-aset tetap MAIS yang belum dibangunkan untuk membuat sebarang perancangan pembangunan bagi membantu memperkukuhkan lagi ekonomi MAIS

Dengan itu, bahagian ini dapat menyusun skop dan jadual tugasan yang perlu dijalankan pada tahun 2006 dan seterusnya. Antara aktiviti yang disertai oleh bahagian ini ialah Pameran Shah Alam International Fair (SAIF 2005) yang diadakan di perkarangan Stadium Shah Alam bagi menjalankan aktiviti pemasaran perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh MAIS dan anak-anak syarikat MAIS.

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH

Majlis Agama Islam Selangor

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH

## PENGENALAN

Bahagian Pembangunan Hartanah ditubuhkan pada tahun 1999 sejajar dengan misi dan fungsi MAIS. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga unit iaitu Unit Perancangan, Unit Penyelenggaraan dan Unit Pengurusan Harta.

### Fungsi

- Mentadbir dan memanfaatkan hartanah MAIS di Negeri Selangor.
- Merancang, menyemak, mengurus dan menyelia sebarang permohonan cadangan pemajuan dan pembangunan serta pengurusan hartanah.
- Menilai dan memastikan segala urusan pelaburan harta bagi pihak MAIS mendatangkan pulangan yang optimum.
- Memastikan segala siasatan hartanah siap dikemaskini seterusnya dirancang mengikut kesesuaian pembangunan melalui proses-proses tertentu bagi memanfaatkan tanah-tanah milik MAIS.
- Mentadbir semua hartanah milik MAIS bagi setiap jenis aktiviti pembangunan dari segi pengiklanan, temuduga dalaman setiap peruntukkan untuk pajakan sewaan, penyeliaan menyelaras penyelenggaraan dan pembaikan bangunan.
- Mengemaskini daftar hartanah premis milik MAIS serta membuat pemantauan terhadap kadar sewa, pengeluaran bil bulanan dan pembayaran sewa premis-premis MAIS.
- Membuat analisa dan kajian terhadap cadangan-cadangan pembangunan hartanah milik MAIS sebelum dilaksanakan.

## ANGGARAN KUTIPAN SEWA OLEH MAIS SEPANJANG TAHUN 2005

Sepanjang 2005, Bahagian Pengurusan Hartanah telah bertindak mengutip sewa bulanan ke atas 174 buah premis MAIS. Jadual di bawah merupakan anggaran kutipan tahunan kasar tidak termasuk tunggakan.

| BIL | KATEGORI | KUTIPAN TAHUNAN (RM) |
|---|---|---|
| 1 | PREMIS/TANAH WAKAF/FARAIDH/PUSAKA DAN SAHAM WAKAF | RM89,300.00 |
| 2 | PREMIS MILIK MAIS | RM5,745,477.60 |
| 3 | TANAH MILIK MAIS | RM258,000.00 |
| | JUMLAH | RM6,092,777.60 |

## UNIT PENYELENGGARAAN

### BIDANG TUGAS

- Bertanggungjawab dalam menguruskan penyelenggaraan bangunan dan premis MAIS di seluruh daerah Selangor.
- Menyediakan dokumen sebutharga bagi kerja-kerja ubahsuai, pembaikan dan pembinaan kecil.
- Menyelia kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor.
- Menyediakan rekabentuk awal bangunan dan memastikan keperluan-keperluan teknikal serta menepati kehendak MAIS.
- Mendapatkan kelulusan teknikal berkaitan pelan bangunan dan kejuruteraan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.
- Memantau kerja-kerja yang sedang dijalankan dan melaporkan kemajuan kerja kontraktor.
- Memastikan pemilik bil-bil cukai tanah dan cukai taksiran sama ada kepunyaan MAIS, faraidh atau wakaf.

### PREMIS-PREMIS MAIS

- Pihak MAIS memiliki 33 unit premis dan 13 unit premis Wakaf di seluruh Daerah Selangor.
- Membuat pemantauan premis secara berjadual untuk memastikan ianya adalah selamat bagi mengurangkan kos penyelenggaraan pada masa akan datang.

### BANGUNAN MAIS TAHUN 2005

1. **BANGUNAN WISMA MAIS SEKSYEN 3 SHAH ALAM**

   Bangunan ini mula dibina pada 1 Mac 2002 dengan kos pembinaan RM 18,882,695.47. Mempunyai satu blok lima tingkat dan satu blok sepuluh tingkat, yang menempatkan kedai, pejabat dan apartment. Telah mendapat Sijil Layak Menduduki (CF) pada 21 Mac 2005. Segala kerja-kerja penyelenggaraan masih di dalam tanggungan Kontraktor Utama sehingga 2 Mei 2006.



## 2. BANGUNAN QT (M) 1111 SELAYANG

Bangunan ini mula dibina pada 2 Jun 2003 dengan kos pembinaan RM 1,200,000.00. Mempunyai satu blok tiga tingkat, yang menempatkan kedai, pejabat dan apartment. Telah mendapat Sijil Layak Menduduki (CF) pada 28 Mei 2005. Segala kerja-kerja penyelenggaraan masih di dalam tanggungan Kontraktor Utama sehingga 2 Disember 2005.





## 3. RUMAH BERKEMBAR JALAN KEBUN, KLANG

Rumah ini mula dibina pada 15 Julai 2004 dengan kos pembinaan RM 180,000.00. Mempunyai dua unit rumah berkembar. Telah menyerahkan unit rumah siap pada 11 Mei 2005.

## 4. BANGUNAN PANGSAPURI PERKHIDMATAN SEKSYEN 16 SHAH ALAM

Bangunan ini mula dibina pada 1 Jun 2004 dengan kos pembinaan RM 11,800,000.00. Mempunyai dua tingkat basement, satu tingkat pejabat dan lima tingkat apartment. Projek ini dijangka siap pada bulan April 2006.





## 5. RUMAH BERKEMBAR BATANG KALI, HULU SELANGOR

Rumah ini mula dibina pada 1 Disember 2004 dengan kos pembinaan RM 84,636.00. Mempunyai satu unit rumah berkembar. Projek ini dijangka siap pada akhir bulan Disember 2005.

## KERJA-KERJA PEMBAIKAN & PENYELENGGARAAN PREMIS-PREMIS MAIS TAHUN 2005

- Sepanjang tempoh tahun 2005, Unit Penyelenggaraan telah mengeluarkan sebanyak 47 inden kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan untuk premis-premis MAIS (sehingga bulan November 2005). Kos yang telah dikeluarkan untuk keseluruhan kerja-kerja pembaikan ini adalah sebanyak RM 404,142.32.

## UNIT PERANCANG

### Bidang Tugas Bahagian Perancangan

- Mengenalpasti tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk dipohon serta memajukan permohonan ke Pejabat Tanah bagi menambah aset 'land bank' MAIS.

- Memantau segala urusan dan status permohonan tanah-tanah kerajaan di Pejabat Tanah atau Jabatan Teknikal berkaitan sehingga keputusan permohonan diperolehi.

- Memastikan tanah-tanah milik penuh MAIS yang diterima, direkod dan dikemaskini mengikut klasifikasi hartanah serta dilengkapi dengan butiran terperinci hartanah sebagai asas utama kepada cadangan pembangunan.

- Mengenalpasti dan merancang pembangunan hartanah MAIS yang berpotensi dan strategik, dilengkapi dengan dokumen terperinci hartanah sebagai asas cadangan untuk menyokong sebarang permohonan sewaan atau pembangunan hartanah.

- Merancang, memantau dan berurusan dan membantu pihak pemaju ataupun perunding professional yang telah dilantik untuk berurusan dengan Jabatan Teknikal berkaitan bagi projek pembangunan yang dibangunkan oleh MAIS ataupun secara usahasama (JV).

## SASARAN KERJA TAHUNAN

Sasaran kerja tahunan dibahagikan kepada 3 skop utama bahagian perancangan yang terdiri daripada:-

### Proses Permohonan Tanah

Bagi proses permohonan tanah yang dijalankan secara berterusan dengan mengenalpasti tanah yang berpotensi untuk dipohon dan dimajukan kelak berdasarkan kepada faktor-faktor seperti lokasi, kemudahan sampaian, nilaian hartanah dan kehendak pembangunan sekitar. Diantara permohonan tanah yang kini sedang dalam peringkat permohonan dan penyediaan kertas mesyuarat oleh Pejabat Tanah untuk dibawa dan diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) adalah seperti berikut:-

| BIL | LOKASI | STATUS |
|---|---|---|
| 1 | Permohonan Tanah Kerajaan Bagi Tapak Pemulihan Dadah Tegar (Baitul Islah) Daerah Hulu Selangor seluas 80 ekar | Di dalam peringkat penyediaan kertas MMKN oleh Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor |
| 2 | Permohonan Semula Tanah Kerajaan Di atas Lot 25586, Taman Sea, Petaling Jaya, Daerah Petaling seluas 1 ekar | Di dalam peringkat penyediaan kertas MMKN oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling |
| 3 | Permohonan Tanah Kerajaan Di Batu Tiga Kampung Melayu Subang, Daerah Petaling seluas 12 ekar | Dalam peringkat penyediaan pelan susunatur dan prahitungan bagi pengiraan premium oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling |
| 4 | Permohonan Tanah Kerajaan Lot 28813 Bandar Utama seluas 3 ekar | Dalam peringkat penyediaan pelan susunatur dan pelan pra hitungan bagi pengiraan premium oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling dan telah melantik pihak perunding profesional bagi pembangunan rumah teres. |

Selain itu juga MAIS akan membuat tindakan susulan terhadap tanah-tanah permohonan yang telah dipohon oleh MAIS terdahulu bagi mendapatkan status permohonan tersebut.

**Pembangunan Tanah Secara Usahasama (JV)**

Terdapat 4 projek pembangunan yang dijalankan secara usahasama yang sedang giat dibangunkan oleh pemaju dan terbahagi kepada beberapa peringkat antaranya peringkat awal kelulusan, peringkat kerja tanah dan peringkat pembinaan. Sebagai pemilik tanah, MAIS akan sentiasa dari semasa ke semasa akan memantau perkembangan projek tersebut dan dengan sedaya yang boleh akan membantu pihak pemaju bagi memastikan projek tersebut dapat dibangunkan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan. Diantara projek usahasama yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :-

| BIL | KOMPONEN PEMBANGUNAN | PEMAJU | STATUS |
|---|---|---|---|
| 1 | Pembangunan Rumah Berkembar Dan Sekolah Rendah Agama Di Atas HSD 110088 PT 4 USJ 17 Subang Jaya | Utusan Seni Sdn Bhd | Peringkat Kelulusan Pelan Bangunan |
| 2 | Pembangunan Bercampur Mengandungi Rumah Teres, Apartment Dan Kedai Pejabat Di Atas Lot 23787 Tropicana, Damansara | Imatex Berhad | Kerja-Kerja Pembinaan Sedang Berjalan Dan Upacara Launching Akan Diadakan Pada 27 Mei 2006 |
| 3 | Pembangunan 7 Unit Kedai Pejabat Di Atas Lot HSD 64827 PT 71066 Klang | Setiawanis Sdn Bhd | Peringkat Permohonan Ke Pejabat Tanah Bagi Proses Serah Balik Dan Berimilik Semula. |

## Pembangunan Tanah Peruntukan MAIS

Projek pembangunan yang dibangunkan oleh MAIS adalah melalui peruntukan kewangan MAIS. Bagi menjayakan pembangunan tersebut MAIS telah melantik perunding - perunding profesional bagi menjalankan proses permohonan kelulusan pembangunan dari jabatan teknikal berkaitan bermula dari peringkat kelulusan sehinggalah ke tahap penyempurnaan projek tersebut. MAIS juga dari semasa ke semasa mengadakan mesyuarat berkala bagi memastikan kelulusan diperolehi sepenuhnya sebelum pembinaan dijalankan dan selain itu juga membantu perunding yang telah dilantik berurusan dengan jabatan berkaitan bagi mempercepatkan proses kelulusan bagi mengelakkan proses pembangunan tersebut lewat disiapkan.

| BIL | KOMPONEN PEMBANGUNAN | STATUS |
|---|---|---|
| 1 | Projek Pembangunan Rumah Teres Di Atas Tanah Lot 28813 Bandar Utama, Daerah Petaling | • Perunding profesional telah dilantik MAIS terdiri daripada Arkitek, M&E, C&S, Perancang Bandar, Jurukur Bahan dan Jurukur Tanah.<br>• Perunding perancang Kalam Rancang telah mengemukakan pelan permohonan kebenaran merancang dan menunggu ulasan jabatan teknikal berkaitan. |
| 2 | Projek Pembangunan Servis Apartment Diatas Tanah Lot Seksyen 9 Kajang | • Perunding professional telah dilantik MAIS terdiri daripada Arkitek, M&E, C&S, Perancang Bandar, Jurukur Bahan dan Jurukur Tanah.<br>• Perunding perancang SAM Planners telah mengemukakan pelan permohonan kebenaran merancang dan menunggu ulasan jabatan teknikal berkaitan dan sehingga kini 4 jabatan teknikal telah memberikan ulasan teknikal dan 4 lagi belum memberikan maklumbalas. Pihak perunding telah diarahkan untuk membuat tindakan susulan dengan segera.<br>• Mesyuarat perunding diadakan setiap 2 minggu sekali bertempat di pejabat pengurus projek AAAtelier Architect. |









# PUSAT PEMURNIAN AKIDAH BAITUL IMAN

Majlis Agama Islam Selangor

# PUSAT PEMURNIAN AKIDAH BAITUL IMAN

## PENGENALAN

Penubuhan pusat ini adalah tertakluk kepada Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) No. 9 1995, Seksyen 53 dan Seksyen 54 (1).

Pusat Pemurnian Akidah ini telah dibina dan di wartakan di Ulu Yam Bharu, Hulu Selangor pada 27 April 1998 (JAI. Sel 8014/11; PU Sel. Agm/007/Jld.2) dengan keluasan tanah seluas 1 ekar merupakan sebahagian dari keseluruhan kawasan Kem JPG Markas II Briged Tengah seluas 5 ekar.

Pusat Pemurnian Akidah ini mula beroperasi pada 1 Julai 1999 di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor. Setelah diteliti dan merujuk kepada enakmen maka pentadbiran pusat ini diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Selangor pada 7 Julai 2005 dan telah bertukar kepada Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman.

## FUNGSI

- Menyediakan perkhidmatan pemulihan Akidah dan Kaunseling kepada individu/ kumpulan yang menghadapi masalah kefahaman Agama Islam
- Menerima dan memulih pesalah akidah yang telah disabitkan kesalahannya oleh mahkamah.
- Memberi khidmat bimbingan dan kaunseling kepada mereka yang terlibat dengan kesalahan akidah.
- Mengadakan kursus-kursus pengukuhan akidah.

## SEKSYEN UNDANG-UNDANG YANG DIPERLUKAN DAN DIRUJUK

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam ( Negeri Selangor ) 2003
2. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah ( Negeri Selangor ) 2003
3. Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995
4. Surat Arahan Pekeliling Yang Berkenaan
5. Perintah-perintah Tetap Pusat Pemurnian Akidah.

**Laporan Aktiviti Tahunan Baitul Iman**
**Tahun 2005**

Di sepanjang tahun 2005 yang lalu, pihak Baitul Iman telahpun mengadakan beberapa aktiviti yang dirancang untuk mengeratkan ukhwah dan kemesraan antara pelatih dan kakitangan.

**AKTIVITI 2005**

1) Majlis Sambutan Aidil Adha

2) Ceramah dan Majlis Sambutan Maulidur Rasul

3) Rehlah

4) Minggu Sukan Pelatih

5) Program Sambutan Awal Ramadhan

6) Program Nuzul Al-Quran

7) Program Khatam Al-Quran

8) Majlis Jamuan Hari Raya

9) Hari Keluarga dan Sukaneka





BILANGAN PELATIH MENGIKUT TAHUN
(Sehingga Februari 2006)




STATISTIK KEMASUKAN PELATIH
Tahun 2000 hingga 2005 Baitul Iman



# PUSAT PERLINDUNGAN WANITA BAITUL EHSAN

Majlis Agama Islam Selangor

# PUSAT PERLINDUNGAN WANITA BAITUL EHSAN

## PENGENALAN

Baitul Ehsan merupakan sebuah Kompleks Perlindungan Wanita yang diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Selangor melalui peruntukan di dalam Seksyen 53 dan Seksyen 54(2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No. 9 Tahun 1995 (EJSS 1995). Kompleks Perlindungan Wanita telah diwartakan pada 13hb September 2001.

Melalui peruntukan yang sama satu kaedah telah digubal dan diluluskan pada 28hb September 2001 bersamaan 10 Rejab 1422H di dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) iaitu Perintah-perintah Tetap Baitul Ehsan 2001 yang membolehkan Baitul Ehsan mentadbir, memulih, membimbing dan melindung golongan wanita yang bermasalah di Negeri Selangor khususnya.

## FUNGSI

- Memberikan perlindungan dan pemulihan kepada wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya moral serta memberi latihan dan bimbingan dalam segenap aspek iaitu mental, rohani dan jasmani melalui pendidikan agama dan sosial.

- Menyediakan latihan kemahiran Vokasional untuk mereka yang dilindungi supaya mereka mempunyai kemahiran yang membolehkan mereka berdikari apabila telah tamat tempoh perlindungan kelak.

## AKTIVITI 2005

- Lawatan Balqis/Puspanita pada 17 Febuari 2005

- Program Prihatin bersama Baitul Ehsan anjuran Majlis Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Parlimen Sabak Bernam dan Puteri UMNO bahagian Sabak Bernam pada 25 Jun 2005.

- Program Lawatan sambil Belajar dari Unit Bimbingan dan Kaunseling SMK Tunku Abd Rahman Putra Sabak Bernam pada 11 Ogos 2005.

- Program Lawatan Sambil Belajar dari SAM SG Haji Dorani Sg Besar pada 26 September 2005.

- Mengadakan sambutan Maal Hijrah dan ceramah (16 Febuari 2005)

- Program Pra Hari Raya Aidilfitri memasak ketupat dan rendang bersama kakitangan dan pelatih (19 Oktober 2005)

- Program minggu pertanian menanam ubi kayu dan serai; penglibatan semua kakitangan, guru – guru sambilan dan pelatih (1 – 14 Febuari 2005)

- Sambutan Hari Kemerdekaan dengan mengadakan pertandingan melukis.

- Sambutan Hari Kualiti pelatih 28 Disember 2005.

- Program Kaunseling Individu, Kelompok, dan Keluarga.



Sumbangan Hari Raya kepada para pelatih








Majlis Khatam Quran

# BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

Majlis Agama Islam Selangor

# BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

## PENGENALAN

Bahagian Perhubungan Awam ditubuhkan pada bulan Jun 2005 dengan didukung kakitangan seramai 3 orang.

## FUNGSI

- Bertanggungjawab menyedia dan menyampaikan kenyataan akhbar mengenai hal-hal MAIS kepada pihak media massa (cetak atau elektronik).
- Bertanggungjawab menyelaras perjumpaan dialog pegawai-pegawai MAIS dengan orang ramai, badan-badan luar termasuk persatuan - persatuan, agensi - agensi kerajaan dan swasta.
- Bertanggungjawab menyelia program rasmi MAIS.
- Bertanggungjawab mengiringi/ menyambut tetamu VIP/lawatan sambil belajar ke MAIS.
- Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisa pendapat umum melibatkan aduan awam terhadap dasar-dasar majlis.
- Bertanggungjawab mengurus setiap aduan awam yang melibatkan MAIS hingga selesai siasatan dan memaklumkan kepada pengadu.
- Bertanggungjawab meningkatkan imej majlis dengan memaparkan kejayaan dan perkembangan majlis kepada masyarakat menerusi akhbar-akhbar, radio/tv dan lain-lain media massa di dalam atau luar negeri.
- Bertanggungjawab merancang dan menerbitkan semua jenis penerbitan milik MAIS.

## AKTIVITI 2005

- Menghasilkan edisi sulung Majalah MAIS pada bulan November.
- Meningkatkan imej Majlis dengan memaparkan perkembangan Majlis melalui:

**1) Media Massa**

i) Buletin Utama, (TV3), 18 November
- Majlis Menghadap Sultan Oleh Bakal-Bakal Haji 1426H

ii) Berita Harian, 8 Mac
- Pemerkasaan MAIS

iii)Era Jaya, 15 November

- Majlis Jamuan Hari Raya DYMM Sultan Bersama Asnaf Miskin
- Majlis Menghadap Sultan Oleh Bakal-Bakal Haji 1426H

**2) Berita Laman Web**

- Majlis Agihan Sumbangan Anak Yatim
- Majlis Perhimpunan Bulanan Warga Kerja Bangunan Sultan Idris Shah
- Majlis Jamuan Hari Raya DYMM Sultan Bersama Asnaf Miskin
- Majlis Menghadap Sultan Oleh Bakal-Bakal Haji 1426H
- Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- Hari Keluarga Saudara Kita Bersama Ahli-Ahli MAIS
- Lawatan Pengerusi MAIS Ke Rumah Fakir Miskin Kapar
- Sekalung Tahniah Atas Penerimaaan Darjah Kebesaran Oleh Pengerusi MAIS
- Ucapan Tahniah Atas Keputeraan Tuanku Yang Ke-60




Majlis Berbuka Puasa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Bersama Rakyat


Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2004


Kursus Haji Perdana Peringkat Negeri Selangor


Majlis Menghadap Sultan Oleh Bakal-Bakal Haji Tajaan MAIS

# SIJIL BERSIH AKAUN 2004 DENGAN LAPORAN LENGKAP

Majlis Agama Islam Selangor

## SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
## MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

Saya telah mengaudit penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2004. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan pada 31 Disember 2004, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

4. Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

5. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.

**(HJ. ANWARI BIN SURI)**
**b.p. KETUA AUDIT NEGARA**
**MALAYSIA**

**PUTRAJAYA**
**11 MEI 2006**

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

**PENYATA PENGURUSAN DAN SEORANG AHLI MAJLIS**

"Kami, **Dato' Haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa** dan **Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abd. Wahid** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Selangor dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, penyata kewangan yang terdiri daripada Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Terkumpul serta nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor pada 31hb. Disember 2004 dan hasil kendaliannya dan perubahan ekuiti terkumpul serta perubahan kedudukan kewangan Kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

.......................................................

**NAMA** : Dato' Haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa

**GELARAN** : Pengerusi

**Tarikh** : 23 NOV 2005

Majlis Agama Islam Selangor,
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid,
Bukit SUK, Seksyen 5,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Bagi pihak Majlis,

.......................................................

**NAMA** : Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abd. Wahid

**GELARAN** : Ahli Majlis

**Tarikh** : 23 NOV 2005

Majlis Agama Islam Selangor,
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid,
Bukit SUK, Seksyen 5,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Saya, **Hj. Muhammed Khusrin bin Hj. Munawi, K.P NO : 560920-10-6525,** Pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **Majlis Agama Islam Selangor,** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan, dan Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perubahan Ekuiti Terkumpul dalam kedudukan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya bagi tahun berakhir pada 31hb. Disember 2004, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya )
diakuinya oleh penama di atas )
di Shah Alam, Selangor D.E. )
pada ......23 NOV 2005......... )

.............................................

Dihadapan saya :

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
NO. A-B.063
ZUBEIDA BT MOHD ZAIN
.............................................
PESURUHJAYA SUMPAH

KAMAR PENASIHAT UNDANG- UNDANG
NEGERI SELANGOR

# MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
## PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31HB. DISEMBER 2004

| | NOTA | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | 2004 | 2003 | 2004 | 2003 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| Kumpulan Wang Zakat | 4(a) | 107,253,710 | 85,436,120 | 106,314,507 | 85,436,120 |
| Kumpulan Wang Baitulmal | 4(b) | 5,470,421 | 5,646,432 | 5,596,401 | 5,646,432 |
| Kumpulan Wang Wakaf | 4(c) | 4,553,469 | 4,544,840 | 4,691,477 | 4,544,840 |
| Pendapatan Operasi | 4(d) | 20,966,420 | 13,515,609 | - | - |
| Pendapatan Dari Lain-Lain Pelaburan | 5 | 1,260,000 | 1,471,608 | 2,829,998 | 1,405,388 |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | 139,504,020 | 110,614,609 | 119,432,383 | 97,032,780 |
| **PERBELANJAAN** | | | | | |
| Perbelanjaan Wang Zakat | 6(a) | 91,817,289 | 74,008,797 | 103,101,102 | 83,440,654 |
| Perbelanjaan Wang Baitulmal | 6(b) | 6,637,585 | 6,703,379 | 6,637,585 | 6,703,379 |
| Perbelanjaan Wang Wakaf | | 48,060 | 514,379 | 48,060 | 514,379 |
| Perbelanjaan Operasi | 6(c) | 30,396,506 | 25,136,324 | - | - |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | 128,899,440 | 106,362,879 | 109,786,747 | 90,658,412 |
| **Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai** | 6 | 10,604,580 | 4,251,730 | 9,645,636 | 6,374,368 |
| Tolak : | | | | | |
| Cukai | 7 | (460,292) | (544,626) | - | - |
| Zakat | 7 | (16,654) | (45,000) | - | - |
| **Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai dan Zakat** | | 10,127,634 | 3,662,104 | 9,645,636 | 6,374,368 |
| **Keuntungan Terkumpul Dibawa Kehadapan** | | 180,832,095 | 126,649,516 | 174,891,438 | 117,996,595 |
| Keuntungan Boleh Dibahagikan | | 190,959,729 | 130,311,620 | 184,537,074 | 124,370,963 |
| Tolak : | | | | | |
| Pelarasan Tahun Lepas | 26 | (1,942,995) | 50,520,475 | (1,942,995) | 50,520,475 |
| **Keuntungan Terkumpul Dibawa Kehadapan** | | 189,016,734 | 180,832,095 | 182,594,079 | 174,891,438 |

## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
## LEMBARAN IMBANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2004

| | NOTA | KUMPULAN 2004 RM | KUMPULAN 2003 RM | MAJLIS 2004 RM | MAJLIS 2003 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| HARTA TETAP | 8 | 58,080,154 | 47,989,839 | 45,317,506 | 38,989,100 |
| KERJA DALAM KEMAJUAN | 9 | 24,646,950 | 18,210,299 | 18,322,902 | 12,009,500 |
| PELABURAN SAHAM TERSIAR HARGA | 10 | 8,087,593 | 12,277,064 | 8,087,593 | 12,277,064 |
| PELABURAN DALAM SYARIKAT MILIKAN | 11 | - | - | 5,746,015 | 5,746,015 |
| PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU | 12 | 373,420 | 373,420 | - | - |
| LAIN-LAIN PELABURAN | 13 | 1,571,677 | 1,022,206 | 1,571,677 | 522,206 |
| | | **92,759,794** | **79,872,828** | **79,045,693** | **69,543,885** |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Stok | **14** | **338,829** | 259,210 | - | - |
| Penghutang | | **12,098,393** | 10,238,767 | 4,226,583 | 4,186,314 |
| Pendahuluan Kepada Syarikat Milikan | **15** | - | - | 2,803,100 | 2,803,100 |
| Simpanan Tetap Al-Mudhrabah | **16** | **20,157,913** | 13,293,148 | 17,258,938 | 10,939,830 |
| Peruntukan Pendahuluan Agihan Zakat | **17** | - | - | 9,031,941 | 18,665,798 |
| Wang Tunai Di Bank dan Di Tangan | **18** | **73,764,122** | 77,988,404 | 51,250,428 | 28,844,820 |
| Wang Deposit dan Jaminan Bank | | **109,140** | 109,140 | - | - |
| Pelbagai Penghutang, Prabayar dan Deposit | | **2,242,240** | 1,600,259 | 519,691 | 636,065 |
| Caj Pembiayaian Tertangguh | | - | 346,860 | - | - |
| Wang Dalam Perjalanan | **30** | **32,859,226** | 44,622,257 | 32,859,226 | 44,622,257 |
| | | **141,569,863** | **148,458,045** | **117,949,907** | **110,698,184** |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Wang Amanah | **19** | **1,288,764** | 1,650,696 | 1,246,604 | 1,520,536 |
| Wang Cagaran dan Pertaruhan Utiliti | | **429,594** | 411,804 | 429,594 | 411,804 |
| Pemiutang Perniagaan | | **1,608,527** | 1,006,892 | - | - |
| Pelbagai Pemiutang dan Bayaran Terakru | **20** | **9,222,948** | 6,175,323 | 620,096 | 2,539,841 |
| Dana Masjid | **21** | **2,105,227** | 878,450 | 2,105,227 | 878,450 |
| Peruntukan Cukai | | **717,437** | 722,398 | - | - |
| Peruntukan Zakat | | - | - | - | - |
| Jumlah Terhutang Kepada Syarikat Bersekutu | | **771,777** | 673,007 | - | - |
| Wang Kutipan Zakat | **22** | **8,816,765** | 25,746,933 | - | - |
| Pemiutang Sewa Beli | | **13,650** | 12,171 | - | - |
| Hutang Francais | | - | 3,073 | - | - |
| Pembiayaan Jangka Panjang | | **285,289** | 55,992 | - | - |
| Cukai Tertunggak | | **141,817** | 49,141 | - | - |
| Deposit dan Pendahuluan | | **102,100** | 71,250 | - | - |
| | | **25,503,895** | **37,457,130** | **4,401,521** | **5,350,631** |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | **1,288,764** | 1,650,696 | 1,246,604 | 1,520,536 |
| **ASET BERSIH** | | **208,825,762** | **190,873,743** | **192,594,079** | **174,891,438** |

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**LEMBARAN IMBANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2004**

| | NOTA | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2004 | 2003 | 2004 | 2003 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| Dibiayai Oleh : | | | | | |
| **KUMPULAN WANG TERKUMPUL** | 23 | 189,016,734 | 180,832,095 | 182,594,079 | 174,891,438 |
| KERJA DALAM KEMAJUAN | | | | | |
| PELABURAN SAHAM TERSIAR HARGA | 24 | 5,000,000 | 5,000,000 | - | - |
| PELABURAN DALAM SYARIKAT MILIKAN | 25 | 10,441,554 | 536,173 | 10,000,000 | - |
| PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU | | 3,609,782 | 4,223,967 | - | - |
| LAIN-LAIN PELABURAN | | 140,000 | 150,000 | - | - |
| | | 617,692 | 131,508 | - | - |
| | | **208,825,762** | **190,873,743** | **192,594,079** | **174,891,438** |

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**PENYATA PERUBAHAN EKUITI TERKUMPUL**
**BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004**

| | NOTA | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2004 | 2003 | 2004 | 2003 |
| **Keuntungan Terkumpul Pada 01 Januari 2004** | | RM | RM | RM | RM |
| Seperti mana yang dilaporkan sebelum ini | 26 | 180,832,095 | 126,649,516 | 174,891,438 | 117,996,595 |
| Pelarasan tahun lepas | | (1,942,995) | 50,520,475 | (1,942,995) | 50,520,475 |
| Seperti mana yang dilaporkan semula | | **178,889,100** | **177,169,991** | **172,948,443** | **168,517,070** |
| Lebihan pendapatan keatas perbelanjaan selepas cukai, zakat dan kepentingan minoriti | | 10,127,634 | 3,662,104 | 9,645,636 | 6,374,368 |
| **Pada 31 Disember 2004** | | **189,016,734** | **180,832,095** | **182,594,079** | **174,891,438** |

## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004

| | NOTA | KUMPULAN | MAJLIS |
|---|---|---|---|
| | | 2004 | 2003 |
| | | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | |
| **(Kurangan)/Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan** | | | |
| **"Pelarasan Perkara-Perkara Yang Tidak Melibatkan Pergerakan Tunai :"** | | | |
| Belanja Susutnilai | | 4,096,596 | 3,946,848 |
| Pelarasan Tahun Lepas | | 1,942,995 | 50,520,475 |
| Dividen | | (537,753) | (667,018) |
| Keuntungan Bank-Simpanan Tetap | | (56,570) | (54,515) |
| Keuntungan Bank-Simpanan | | (92,290) | (48,710) |
| Kerugian Dari Jualan Saham | | 1,260,000 | 986,855 |
| Susutnilai Terkumpul Bangunan | | (1,023,008) | 4,597,868 |
| Geran | | (7,223,064) | (2,000,000) |
| Pendahuluan Dilupuskan | | 45,228 | (38,250) |
| Kerugian Dari Jualan Aset Tetap | | 29,151 | - |
| Cukai Dibayar | | (289,683) | (542,758) |
| **(Kerugian)/Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja** | | **8,756,182** | **60,952,525** |
| Penambahan/Pengurangan Penghutang | | (65,725) | (1,299,224) |
| Penambahan/Pengurangan Pemiutang | | 1,106,442 | 52,959 |
| Pendahuluan Kepada Anak Syarikat | | - | 14,389 |
| Wang Amanah | | (361,931) | (744,065) |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | | 399,413 | 1,276,606 |
| Peruntukan Agihan Zakat | | (16,930,168) | (5,365,507) |
| Stok | | (79,619) | (18,935) |
| Wang Deposit Dan Pendahulauan | | 74,953 | - |
| Hutang Francais | | 6,367 | - |
| Tambahan/Kurangan Dlm Stok | | 98,770 | 2,071 |
| Dana Masjid | | 1,226,776 | 114,752 |
| Tambahan/Kurangan Dlm Terhutang | | 491,280 | 30,937 |
| Pelbagai Penghutang, Pembayar dan Deposit | | (658,833) | (81,646) |
| **Tunai Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi** | | **(5,936,093)** | **54,934,862** |
| Keuntungan Bank-Simpanan Tetap | | 56,571 | 54,515 |
| Keuntungan Bank-Simpanan Semasa | | 88,942 | 48,710 |
| Dividen Pelaburan | | 537,753 | 667,018 |
| **Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi** | | **(5,252,827)** | **55,705,105** |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Perolehan Dari Jualan/Penyelarasan Aset | | 44,600 | (87,153) |
| Aset Tetap Ditebus Semula | | 23 | 20 |
| Pembelian Aset | | (14,305,366) | (7,931,234) |
| Pengurangan Dalam Pelaburan | | 212,065 | 3,328,795 |
| Pertambahan Pelaburan Dlm Anak Syarikat | | - | 270,507 |
| Kerja Dalam Kemajuan | | (6,436,651) | (7,285,471) |
| Pembelian Saham dan Bon | | (1,000,000) | (557,713) |
| **Aliran Tunai Bersih (Digunakan)/Dihasilkan Untuk Aktiviti Pelaburan** | | **(21,485,329)** | **(12,262,249)** |

## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004

| | NOTA | KUMPULAN | MAJLIS |
|---|---|---|---|
| | | 2004 | 2003 |
| | | RM | RM |
| **Aliran Tunai Bersih (Digunakan)/Dihasilkan Untuk Aktiviti Pelaburan** | | (21,485,329) | (12,262,249) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | |
| Pembiayaan Jangka Panjang | | 10,556,764 | (157,300) |
| Caj Pembiayaan Tertangguh | | (35,218) | 65,359 |
| Geran | | 7,223,064 | 2,000,000 |
| Bayaran Balik Sewa Beli | | (32,499) | (39,019) |
| Bayaran Zakat | | (96,504) | - |
| Kemudahan daripada Syarikat Induk | | - | 4,263,280 |
| | | 17,615,607 | 6,132,320 |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Bersih** | | (9,122,549) | 49,575,176 |
| **Tunai dan Kesetaraan Pada Awal Tahun** | | 136,012,950 | 86,437,773 |
| **Tunai dan Keseteraan Pada Akhir Tahun** | 27 | 126,890,401 | 136,012,949 |

## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004

| | NOTA | KUMPULAN | MAJLIS |
|---|---|---|---|
| | | 2004 | 2003 |
| | | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | 9,645,636 | 6,374,368 |
| **(Kurangan)/Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan** | | | |
| **"Pelarasan Perkara-Perkara Yang Tidak Melibatkan Pergerakan Tunai :"** | | | |
| Belanja Susutnilai | | 1,018,601 | 946,527 |
| Pelarasan Tahun Lepas | | 1,942,995 | 50,520,475 |
| Dividen | | (543,057) | (654,735) |
| Keuntungan Bank-Simpanan Tetap | | - | (11,204) |
| Keuntungan Bank-Simpanan | | (45,991) | (14,881) |
| Kerugian Dari Jualan Saham | | 1,260,000 | 986,855 |
| Susutnilai Terkumpul Bangunan | | (1,023,008) | 4,597,868 |
| **(Kerugian)/Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja** | | (21,485,329) | (12,262,249) |
| Penambahan/Pengurangan Penghutang | | 229,058 | 138,177 |
| Penambahan/Pengurangan Pemiutang | | (1,754,172) | 291,022 |
| Pendahuluan Kepada Anak Syarikat | | | - |
| Wang Amanah | | (273,931) | (736,866) |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | | 165,573 | (53,301) |
| Peruntukan Agihan Zakat | | 9,633,857 | (4,277,621) |
| Dana Masjid | | 1,226,776 | 114,752 |
| Tambahan/Kurangan Dlm Terhutang | | | - |
| Pelbagai Penghutang, Pembayar dan Deposit | | (116,374) | 55,529 |

## MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004

| | NOTA | KUMPULAN | MAJLIS |
|---|---|---|---|
| | | 2004 | 2003 |
| | | RM | RM |
| **Tunai Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi** | | **21,365,963** | **58,276,965** |
| Keuntungan Bank-Simpanan Tetap | | | 11,204 |
| Keuntungan Bank-Simpanan Semasa | | 45,991 | 14,881 |
| Dividen Pelaburan | | 543,057 | 654,735 |
| **Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi** | | **21,955,011** | **58,957,785** |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | | |
| Aset Tetap Ditebus Semula | | 23 | 20 |
| Pembelian Aset | | (7,392,012) | (5,357,526) |
| Pengurangan Dalam Pelaburan | | (287,935) | 3,328,795 |
| Pertambahan/Pengurangan Pelaburan Anak Syarikat | | - | 270,507 |
| Kerja Dalam Kemajuan | | (6,313,402) | (7,856,400) |
| Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil | | 10,000,000 | - |
| Pembelian Saham dan Bon | | (1,000,000) | (557,713) |
| **Aliran Tunai Bersih (Digunakan)/Dihasilkan Untuk Aktiviti Pelaburan** | | **(4,993,326)** | **(10,172,317)** |
| **Aliran Tunai Bersih (Digunakan)/Dihasilkan Untuk Aktiviti Pelaburan** | | **(4,993,326)** | **(10,172,317)** |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai Bersih** | | 16,961,685 | 48,785,468 |
| **Tunai dan Kesetaraan Pada Awal Tahun** | | 84,406,907 | 35,621,439 |
| **Tunai dan Keseteraan Pada Akhir Tahun** | | **101,368,592** | **84,406,907** |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004

### 1. AKTIVITI UTAMA

Majlis sebagai pentadbir dan pemegang amanah harta umat Islam mengikut peruntukan dibahagian IV, Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Selangor, No. 3, 1952 dan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor, No. 2, 1989 serta Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor Tahun 2002. Aktiviti utama Majlis melaksanakan aktiviti kutipan dan pengagihan zakat melalui Pusat Zakat Selangor kepada lapan (8) asnaf iaitu fakir, miskin,muallaf, amil, fisabilillah, al-riqab, al-gharimin dan ibnil sabil.

Aktiviti utama Kumpulan Bakti Suci Properties Sdn. Bhd. adalah sebagai pemaju yang menguruskan, menyelaras projek dan menjadi kontraktor memajukan harta-harta milik Majlis dan aktiviti pembangunan hartanah dan perdagangan serta perniagaan yang dibenarkan oleh syarak.

Aktiviti utama Kolej Islam Selangor Darul Ehsan Sdn. Bhd. (KISDAR) adalah mengendalikan program-program Diploma Pengajian Islam dan Perniagaan yang dikawalselia oleh Lembaga Akreditasi Negara. (LAN)
Manakala kegiatan utama PUSRAWI adalah menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang perubatan kepada orang ramai.

### 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Majlis disediakan mengikut kehendak-kehendak Akta Syarikat 1965 dan Badan Berkanun 1960 diubahsuai mengikut Tatacara Kewangan dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis dan Piawaian-Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

**a) Asas Perakaunan**

Akaun-akaun telah disediakan berpandukan konvensyen kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan dan diubahsuai supaya memenuhi prinsip-prinsip syariah.

**b) Asas Penyatuan**

Akaun-akaun yang disatukan termasuk akaun Majlis Agama Islam Selangor dengan akaun beraudit syarikat milikan dan syarikat sekutu yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan ini. Hasil syarikat milikan bagi tahun 2004 telah disatukan ke akaun pendapatan dan perbelanjaan kumpulan. Semua urusniaga diantara syarikat milikan telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun-akaun yang disatukan hanya mencerminkan urusniaga luar sahaja.

**c) Harta Tetap Dan Susutnilai**

Harta tetap disusutnilai mengikut tempoh jangkaan usia boleh gunanya dengan menggunakan kaedah garis lurus. Kadar-kadar yang digunakan adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Kenderaan | 15% - 25% |
| Peralatan Pejabat | 10% - 20% |
| Perabot dan Kelengkapan | 8% - 20% |
| Komputer | 20% |
| Alatan Klinik, Farmasi dan Asrama | 8% - 10% |
| Peralatan Elektrik,Penghawa Dingin dan Generator | 8% - 20% |
| Pengubahsuian | 10% |
| Tanah | Mengikut tempoh pajakan. |

**d) Perbelanjaan Pembangunan**

Perbelanjaan bersabit dengan pembangunan projek, bangunan dan pelbagai perbelanjaan yang secara langsung berkait dengannya dipermodalkan sebagai harta tetap setelah selesai kerja-kerja menyiapkan projek.

**e) Belanja Dibawa Kehadapan**

Perbelanjaan sebelum penubuhan anak syarikat dalam kumpulan Majlis ditunjukkan sebagai perbelanjaan permulaan, manakala perbelanjaan selepas tarikh penubuhan tetapi sebelum perniagaan dijalankan ditunjukkan sebagai perbelanjaan pra-operasi. Perbelanjaan ini akan dilunaskan apabila anak-anak syarikat mendapat keuntungan.

**f) Pendapatan Dividen Saham**

Pendapatan dividen saham dikira berasaskan pendapatan selepas potongan cukai.

**g) Tunai**

Tunai termasuk tunai ditangan, tunai dalam bank, jaminan bank dan simpanan tetap dengan bank-bank berlesen atau institusi-institusi kewangan.

**h) Hasil Sumber Wakaf**

Hasil wakaf adalah terdiri daripada sumber wakaf am, wakaf khas dan Skim Saham Wakaf dan jika diterima digunakan berdasarkan peruntukan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7, 1999. Hasil yang diterima daripada sumber wakaf akan menjadi milik Kumpulan Wang Wakaf mengikut Fasal 33, Bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7, 1999.

**i) Pelaburan Saham**

Pelaburan adalah didalam saham tersiar harga dan portfolio dinyatakan pada kos tolak pemorosotan tetap dalam nilainya. Peruntukan untuk kejatuhan nilai pelaburan hanya dibuat sekiranya terdapat pengurangan kekal dalam nilai pelaburan. Manakala, lain-lain pelaburan dinyatakan pada kos melainkan jika para pengarah berpendapat bahawa rosotnilai yang kekal telah berlaku.

**j) Pelaburan Dalam Syarikat Milikan**

Pelaburan Majlis dalam Syarikat milikan telah dikontrakan dalam akaun disatukan manakala diperingkat akaun Majlis, pelaburan dalam syarikat milikan dicatitkan pada harga kos yang dilaburkan oleh Majlis.

**k) Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu**

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu adalah ditunjukan pada kos campur keuntungan/(kerugian) syarikat bersekutu yang dilaburkan.

**l) Perletakan Hak Tanah Wakaf**

Majlis adalah pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak dalam Negeri Selangor berdasarkan Fasal 32, Bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. , 1999.

**m) Penghutang**

Majlis melaksanakan konsep akruan di dalam pengiktirafan hasil. Hutang-hutang yang telah dikenal pasti tidak dapat dikutip diambilkira sebagai hutang lapuk.

**n) Cukai**

Cukai yang dikenakan dan diperuntukan oleh syarikat di dalam akaun dikira pada kadar cukai semasa berdasarkan lebihan pendapatan yang dicapai syarikat sepanjang tahun.

**o) Cukai Tertunda**

Tiada peruntukan cukai tertunda telah dibuat. Tiada kesan besar tanpa peruntukan ini.

## 4. PENDAPATAN

**(a) Kumpulan Wang Zakat** Termasuk :-

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2004 | 2003 | 2004 | 2003 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Zakat Fitrah | 8,063,887 | 7,173,185 | 8,063,887 | 7,173,185 |
| Zakat Harta | 85,398,181 | 67,040,676 | 85,398,181 | 67,040,676 |
| Zakat Perniagaan | 11,142,223 | 10,001,022 | 11,142,223 | 10,001,022 |
| Zakat Tanaman | 1,123,446 | 975,631 | 1,123,446 | 975,631 |
| Zakat Emas dan Perak | 563,404 | 227,039 | 563,404 | 227,039 |

**(b) Kumpulan Wang Baitulmal** Termasuk :-

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2004 | 2003 | 2004 | 2003 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Sewaan dan Pajakan | 3,737,257 | 3,952,206 | 3,737,257 | 3,951,206 |
| Tebus Harta Pusaka | 518,400 | 821,431 | 518,400 | 821,431 |
| Hasil Tanah Pusaka | 495,299 | 471,455 | 495,299 | 471,455 |
| Harta Yang Diserah | 23,534 | 9,537 | 23,534 | 9,537 |
| Terimaan Bukan Hasil | 263,246 | 638,642 | 263,246 | 638,642 |
| Keuntungan Dari Jualan Harta Tetap | - | - | - | - |

### (c) Kumpulan Wang Wakaf Termasuk :

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2004 | 2003 | 2004 | 2003 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Skim Saham Wakaf Selangor | 4,580,426 | 4,406,726 | 4,580,426 | 4,406,726 |

### (d) Pendapatan Operasi

**Pendapatan operasi adalah perolehan yang diterima oleh syarikat-syarikat milik Majlis, urusniaga antara syarikat-syarikat subsidiari dan Majlis telah dihapuskan semasa penyatuan. Termasuk :**

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2004 | 2003 | 2004 | 2003 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pendapatan Projek | 6,373,472 | 3,028,889 | - | - |
| Pendapatan Yuran | 8,176,276 | 7,348,849 | - | - |
| Pendapatan Klinik dan Farmasi | 2,564,880 | 1,889,098 | - | - |
| Peruntukan Geran | 7,223,064 | 2,000,000 | - | - |

## 5. LAIN-LAIN PENDAPATAN DARI PELABURAN Termasuk :

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2004 | 2003 | 2004 | 2003 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Faedah Simpanan Tetap | 500,867 | 477,023 | 444,297 | 434,644 |
| Faedah Simpanan Semasa | 625,595 | 339,850 | 582,644 | 316,009 |
| Dividen Syarikat Subsidiari | - | - | - | - |
| Dividen Saham Tersiar Harga | 543,057 | 654,735 | 543,057 | 654,735 |

## 6. KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI

### (a) Perbelanjaan Wang Zakat Termasuk :

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2004 | 2003 | 2004 | 2003 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Fakir | 2,175,081 | 2,537,076 | 2,175,081 | 2,537,076 |
| Miskin | 30,996,140 | 26,165,916 | 30,996,140 | 26,165,916 |
